

MAKLUMAN PENDAFTARAN PERANAN ATAU KEMAS KINI

MAKLUMAT DALAM MODUL e-PCB PLUS FASA 1

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa sistem Potongan Cukai Bulanan (PCB) baharu e-PCB Plus sedang dibangunkan bagi menggantikan sistem sedia ada iaitu e-PCB, e-Data PCB dan e-CP39 di bawah satu platform menerusi portal MyTax.

Mulai 24 September 2024, e-PCB Plus Fasa 1 akan dibuka kepada majikan sebagai persediaan awal sebelum sistem ini berfungsi sepenuhnya pada tahun hadapan. Fasa 1 melibatkan pendaftaran peranan Majikan / Wakil Majikan / Pentadbir PCB di MyTax manakala pendaftaran peranan Wakil Pentadbir / Kemaskini Maklumat Majikan dan Pekerja di e-PCB Plus.

Pengguna e-PCB Plus perlu log masuk menerusi MyTax dengan memilih peranan yang berkaitan sama ada Majikan / Wakil Majikan / Pentadbir PCB / Individu (Wakil Pentadbir). Maklumat berkaitan Manual Pengguna e-PCB Plus boleh diakses di <https://mytax.hasil.gov.my> > Panduan Pengguna > Manual Penggunaan e-PCB Plus.

Sebagai maklumat tambahan, sistem PCB sedia ada masih berfungsi seperti biasa hingga pengumuman penutupan dimaklumkan dengan mengambil kira pembangunan Fasa 2 e-PCB Plus selesai dibangunkan.

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; atau
- c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 04 Oktober 2024